

WAR 09 PERANAN JAWATANKUASA PUSAT ISLAM THAILAND DALAM ISU-ISU KEPENGGUNAAN HALAL DI THAILAND

Syaripah Nazirah Syed Ager, Marliana binti Abdullah, Dr. Nor ‘Adha Abdul Hamid,
Norazla Abdul Wahab, Wawarah Saidpudin, Surianom Miskam,
Farah Mohd Shahwahid, Norziah Othman

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia

nazirah@kuis.edu.my, marliana@kuis.edu.my, noradha@kuis.edu.my,
norazla@kuis.edu.my, wawarah@yahoo.com, surianom@kuis.edu.my,
farahms@kuis.edu.my, norziah@kuis.edu.my.

ABSTRAK

Badan pensijilan halal memainkan peranan yang penting dalam menentukan perkembangan industri halal di sesebuah negara. Jawatankuasa Pusat Islam Thailand seperti mana JAKIM merupakan badan rasmi ditubuhkan untuk menguruskan hal ehwal berkaitan agama Islam di negara Thailand. Penubuhannya telah termaktub dalam *Administration of Organization of the Islamic Act (AOI)* yang diluluskan pada 17 Oktober 1997. Tujuan artikel ini adalah mengkaji peranan Jawatankuasa Pusat Islam Thailand melalui Institut Standard Halal Thailand membantu masyarakat Islam di Thailand menghadapi permasalahan halal dan haram produk kepenggunaan sekaligus menghuraikan usaha-usaha yang telah dilakukan oleh badan yang terbabit dalam memajukan industri halal di Thailand. Kajian ini mengaplikasikan kaedah kajian kepustakaan dengan metode analisis kandungan dokumen dan temubual bersemuka dengan badan-badan yang terlibat. Hasil kajian mendapati Jawatankuasa Pusat Islam Thailand merupakan sebuah badan yang berautoriti dan mampu memainkan peranan penting dalam membantu dan membimbing masyarakat Islam di Thailand mendapatkan produk halal dan menceburkan diri dalam industri halal di Thailand. Antara peranan penting yang telah dilakukan sejak awal penubuhannya termasuk penggubalan standard halal dan garis panduan halal yang bertindak untuk memantau industri makanan halal di Thailand. Selain itu, Jawatankuasa Pusat Islam Thailand juga menjalinkan kerjasama erat dengan badan-badan lain seperti Halal Science Centre (HSC) dalam memantau kualiti industri halal di Thailand. Kata kunci : Halal, Pensijilan Halal, Jawatankuasa Pusat Islam Thailand

PENDAHULUAN

Isu kepenggunaan dan makanan halal menjadi topik yang hangat diketengahkan dalam dunia pemasaran hari ini. Pertambahan jumlah penduduk Islam dunia, perubahan cara hidup moden masyarakat Islam dan mobilisasi global menjadi antara faktor utama meningkatnya permintaan terhadap produk halal. Senario ini menjadikan isu kepenggunaan dan makanan halal sebagai satu keperluan dan ia turut menjadi cabaran bagi pengusaha produk-produk halal masakini. Fakta ini jelas menunjukkan kepada kepentingan wujud satu bentuk pengurusan dan undang-undang yang komprehensif bagi memastikan setiap produk halal yang dikeluarkan benar-benar mencapai piawaian halal dan menepati kehendak syarak.

Kepenggunaan ditakrifkan sebagai suatu amalan atau usaha perlindungan khususnya bagi pengguna dalam bentuk undang-undang sebagai akuan menjamin kepentingan, pendidikan dan apa jua tindakan untuk melindungi hak pengguna (Hamdan, 1994). Sementara halal pula

merujuk kepada sesuatu yang dibolehkan, yang tiada ikatan larangan padanya, dan diharuskan dari sudut syara' untuk melakukannya (Qaradhawi, 1994). Dari perspektif kepenggunaan, konsep halal merujuk kepada sesuatu perkara yang bersifat harus di sisi syara' untuk manusia makan, guna, bermuamalah dan sebagainya. Kepenggunaan halal hendaklah seiring dengan tujuan Syariah iaitu *Jalbi al-Masolih wa Dar i al-Mafasid* agar segala perkara yang dilakukan itu bermanfaat untuk pengguna serta jauh dari sebarang unsur kemudharatan. Falsafah ini meletakkan nilai dan sifat khusus bagi kepenggunaan Islam, kerana kepenggunaan tidak hanya terhenti dalam kerangka material, malah turut melibatkan aspek spiritual iaitu mendapat keberkatan dan keredhaan Allah s.w.t.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian ini adalah kajian kepustakaan dengan metode analisis kandungan dokumen serta temubual bersemuka dengan badan-badan yang terlibat. Pengkaji telah mengadakan temubual tidak berstruktur bersama Encik Surin Palarea, Setiausaha Agung Jawatankuasa Pusat Islam Thailand dan Prof. Dr Winai Dahlan, Pengarah Halal Science Center (HSC), University Chulalongkorn. Kajian turut menggunakan kaedah analisis kandungan terhadap dokumen pensijilan halal dan juga melalui sumber sekunder iaitu data literatur yang diperoleh daripada sarjana, keratan akhbar dan laman web yang berkenaan. Beberapa perkara utama yang dikeluarkan daripada industri pensijilan halal di Thailand adalah badan pensijilan halal, perundangan halal, garis panduan pensijilan halal, standard atau piawaian halal, rantaian bekalan/logistik halal dan institut yang terlibat dengan industri halal.

INDUSTRI HALAL DI THAILAND

Thailand dikenali sebagai sebuah negara pertanian dan pengeksport makanan utama rantau Asean. Thailand telah menunjukkan potensi besar dalam industri halal apabila berjaya menduduki tempat ke lima sebagai pengeksport produk halal dunia pada tahun 2010 (Thailand Business Report, 2011) dan diiktiraf sebagai yang pertama seumpamanya di rantau Asean (Mohani Abdul, 2014). Penglibatan Thailand dalam industri halal sangat pesat jika dibandingkan dengan peratusan penduduk Muslim di Thailand iaitu dianggarkan hanya sekitar 10% berbanding jumlah keseluruhan penduduk yang berjumlah 69.7 juta.

Mansouri (2004) menyatakan bahawa kajian dan penyelidikan mengenai halal di Thailand semakin berkembang dan digalakkan oleh Pusat Islam Thailand. Senario di atas adalah didorong oleh usaha dan hasrat kerajaan Thailand untuk menjadikan negara ini pengeluar utama makanan halal dunia. Sehubungan dengan itu, industri halal telah menjadi salah satu keutamaan dalam pentadbiran kerajaan Thailand. Fungsi perusahaan dan eksport makanan halal di Thailand semakin diperkukuhkan ketika pemerintahan di bawah kerajaan Thaksin (Sarntisart 2005). Pada tahun 2010, kerajaan Thailand telah mengumumkan slogan '*Thailand Kitchen of the World*' untuk merangsang perkembangan industri halal di Thailand.

Dalam pengurusan hal ehwal halal, negara Thailand telah diiktiraf sebagai negara yang terkedepan menerokai pensijilan halal apabila menjadi negara yang pertama memperkenalkan Standard halal dan logo halal iaitu pada tahun 1971 diikuti oleh Malaysia pada tahun 2004 (John Walsh,). Negara gajah putih ini turut mengambil langkah-langkah proaktif dengan menubuhkan Institut Standard Makanan Halal Thailand pada tahun 11 Ogos 2003 di bawah resolusi Parlimen untuk membantu Jawatankuasa Islam Pusat Thailand menguruskan hal ehwal pensijilan halal di negara ini. Penubuhan Pusat Sains Halal turut menjadi batu loncatan

untuk menjadi pengeluar produk halal dunia. Pusat Sains halal ini telah ditubuhkan di Universiti Chulalongkorn untuk menjalankan penyelidikan produk-produk halal dan telah diiktiraf sebagai pusat sains halal yang pertama seumpamanya di dunia ini (Sarntisart, 2005). Di samping itu, banyak usaha-usaha lain yang telah diambil dalam memajukan dan mendorong Thailand menjadi pengeluar produk halal dunia.

Pengiktirafan peringkat global ini turut memberi kesan positif kepada perkembangan industri halal peringkat domestik. Sambutan dari pengusaha sangat menggalakkan namun kebanyakan permohonan sijil halal adalah daripada pengusaha bukan Islam.

“Sebab pertama adalah dari segi eksport ke luar Negara. Makanan halal bukan hanya untuk eksport kepada orang Islam tetapi orang yang bukan Islam juga mengambil berat tentang halal. Yang kedua adalah kepercayaan dari segi kebersihan”. (Palarea, 2015)

Walau begitu peningkatan permohonan daripada pengusaha Islam juga berlaku atas kefahaman dan kesedaran bahawa produk yang halal itu juga mestilah selamat (tayyib). Setakat ini lebih 8000 pengusaha makanan yang telah mendapat sijil halal dan lebih 120,000 produk yang mendapat sijil halal di Thailand. Selain daripada pengusaha makanan, permohonan juga diterima dari pelbagai bidang lain termasuk kilang pemprosesan, syarikat sembelihan, sektor peladangan seperti sayur-sayuran, buah-buahan dan lain-lain. Ini yang menjadikan Thailand sebagai pengeluar produk makanan halal terbesar di rantau Asean¹.

“Di sini syarikat yang mohon sijil halal kebanyakan syarikat yang bukan Islam (99% dari semua permohonan sijil halal) dan 1% dari syarikat Islam”.

BADAN PENSIJILAN HALAL DI THAILAND

Institusi Sheikh al-Islam

Dalam konteks negara Thailand, segala hal ehwal berkaitan agama Islam adalah ditadbir di bawah institusi yang dikenali sebagai Sheikhul Islam. Perkara ini termaktub dalam Seksyen 6 Akta Di Raja berkaitan Pentadbiran Organisasi Islam (1997) yang memperuntukkan, Raja akan melantik seorang Shiekhul Islam sebagai ketua bagi menguruskan hal ehwal agama Islam dalam negara Thailand.

Jawatan Shiekhul Islam dilantik dengan perkenan Raja Thailand atas nasihat Perdana Menteri. Fungsi utama Sheikhul Islam adalah menguruskan segala hal ehwal berkaitan pentadbiran agama Islam di Thailand termasuklah²;

1. Memberi nasihat dalam hal ehwal berkaitan agama Islam kepada kerajaan Thailand.
2. Melantik orang yang berkelayakan untuk memberi nasihat dalam hal ehwal agama Islam.
3. Mengumumkan bermula tahun baru dan penentuan tarikh awal Ramadhan dan hari raya puasa.
4. Membuat keputusan berhubung Undang-Undang Islam.

¹ Temubual bersama Mr Surin Palarea, Setiausaha Agung, Centre for Islamic Committee of Thailand pada 24 Jun 2015.

² Seksyen 8 – Akta Di Raja berkaitan Pentadbiran Organisasi Islam B.E. 2540 (1997)

Sebagai pengerusi Jawatankuasa Pusat Islam Thailand, Sheikhul Islam turut bertanggungjawab dalam urusan penubuhan masjid-masjid, perlantikan imam dan khatib masjid, kutipan-kutipan wang agama dan termasuklah hal ehwal berkaitan pensijilan halal di negara ini.

“Fungsi Pejabat Sheikhul Islam adalah untuk menentukan hari raya dan puasa, tahun baru, siapa imam setiap masjid, Halal Mark dan lain-lain”. (Palarea, 2015)

Akta ini secara jelas menjadikan Sheikhul Islam institusi rasmi yang bertanggungjawab dan berautoriti dalam hal ehwal pentadbiran agama Islam di Thailand. Selain menasihati kerajaan, ia turut menjadi institusi tonggak bagi umat Islam di Thailand dalam mendapatkan sebarang pandangan dan nasihat berhubung permasalahan berkaitan hukum hakam dan undang-undang Islam.

Jawatankuasa Pusat Islam Thailand

Dalam menjalankan tugas, Sheikhul Islam akan dibantu oleh satu lembaga yang dikenali sebagai Jawatankuasa Pusat Islam Thailand. Perkara ini sebagaimana termaktub dalam Akta Pentadbiran Organisasi Islam (1997) menyatakan, perlu ada satu jawatankuasa yang dipanggil Jawatankuasa Pusat Islam Thailand yang terdiri daripada Sheikhul Islam sebagai pengerusi dan ahli jawatankuasa yang dilantik dengan perkenan Raja daripada Majlis Agama Islam Wilayah³. Tugas utama jawatankuasa ini adalah untuk membantu Sheikhul Islam dalam hal ehwal pentadbiran agama Islam di Thailand⁴. Jawatankuasa ini juga merupakan badan Agama tertinggi di Thailand dan terletak di bawah kuasa Parlimen. Ini menjadikan pentadbiran hal ehwal berkaitan agama Islam dapat diuruskan secara berpusat dan mempunyai bidang kuasa yang tersendiri.

“Di Thailand berbeza dengan negara lain kerana di sini Jabatan Islam ditubuh bawah akta perlembagaan Thailand berbanding dengan Malaysia diurus oleh Majlis Agama Islam” (Palarea, 2015)

Jawatankuasa Pusat Islam Thailand dipengerusikan sendiri oleh Sheikh al-Islam dan dibantu oleh 39 ahli jawatankuasa yang dilantik oleh Jawatankuasa Islam peringkat wilayah dan 1/3 ahli jawatankuasa lain yang dilantik oleh Sheikhul Islam atas persetujuan Perdana Menteri selama tempoh 6 tahun.

Dari sudut struktur, pentadbiran hal ehwal agama Islam di Thailand sangat berkait rapat dengan taburan penduduk Islam dan penubuhan masjid-masjid di wilayah Thailand. Mengikut statistik, penduduk beragama Islam di Thailand kini dianggarkan berjumlah 6 juta, dan ia merangkumi 10% daripada penduduk keseluruhan Thailand yang berjumlah 69.7 juta. Bagi wilayah yang mempunyai penduduk Islam yang ramai serta jumlah masjid melebihi 3 buah, mereka akan mempunyai Majlis Agama Islam Wilayah yang tersendiri yang akan bertindak sebagai pentadbir hal ehwal agama Islam di wilayah tersebut.

Dengan ini, masjid menjadi institusi asas dalam pengurusan berkaitan hal ehwal Islam di Thailand. Bagi wilayah yang mempunyai taburan penduduk beragama Islam yang tinggi, lebih banyak masjid yang didirikan. Daripada dari temubual yang diadakan, jumlah masjid yang sudah berdaftar dengan Jawatankuasa Pusat Islam Thailand setakat ini adalah 3780 buah

³ Seksyen 16 – Akta Di Raja berkaitan Pentadbiran Organisasi Islam B.E. 2540 (1997)

⁴ Seksyen 18 – Akta Di Raja berkaitan Pentadbiran Organisasi Islam B.E. 2540 (1997)

dan dijangkakan lebih 4000 masjid-masjid kecil wilayah yang belum didaftarkan. Negara Thailand mempunyai 77 wilayah secara keseluruhan dan hanya 39 wilayah mempunyai ahli Jawatankuasa Islam Wilayah yang menjadi wakil dalam Jawatankuasa Pusat Islam Thailand. Ahli jawatankuasa ini akan dipilih sebagai ahli Majlis Islam di wilayah masing-masing oleh masjid-masjid di wilayah mereka sendiri. Bagi mana-mana wilayah tanpa Jawatankuasa Islam Wilayah, maka Jawatankuasa Pusat Islam Thailand akan menjadi badan yang bertanggungjawab.

Penerangan di atas memperlihatkan struktur pengurusan Islam di Thailand, yang bukan hanya terdiri daripada sekelompok wakil tertentu tetapi sekumpulan Muslim dari pelbagai peringkat hierarki masyarakat Islam di Thailand. Hal ini menjadikan Jawatankuasa Pusat Islam Thailand suatu institusi yang kuat dan ampuh untuk melaksanakan fungsi dan peranannya berkaitan hal ehwal Islam termasuk pensijilan halal di Thailand.

“So, this is the structure of halal certification in Thailand. it means halal certification of Thailand not only define by few people, or only a group of people, its going by can see by muslim population as a part in this halal certification by this kind of population in this pyramid. So its very strong organization as we can see that some other country do not have this” (Sulida, 2015)

Dalam menjalankan tanggungjawabnya, Jawatankuasa Pusat Islam Thailand akan melantik satu jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Eksekutif Halal yang terdiri daripada⁵;

- 1) 7 Wakil Jawatankuasa Pusat Islam Thailand
- 2) Presiden Jabatan Hal Ehwal Halal
- 3) 4 Wakil Jabatan Hal Ehwal Halal
- 4) 2 Pakar Agama Islam
- 5) 1 Pakar Sains Pemakanan
- 6) 1 Wakil dari Kementerian Perdagangan
- 7) 1 Wakil dari Kementerian Luar Negeri
- 8) 1 Wakil dari Kementerian Pertanian dan Koperasi
- 9) 1 Wakil dari Kementerian Perindustrian
- 10) 1 Wakil dari Pentadbiran Makanan dan Ubat-Ubatan
- 11) 1 Wakil dari Pejabat Lembaga Ekonomi dan Sosial Pembangunan Negara
- 12) 1 Wakil dari Pejabat Lembaga Perlindungan Pengguna
- 13) Pengarah Institut Standard Halal Thailand
- 14) 2 Pakar lain dilantik di bawah budi bicara Jawatankuasa Pusat ini.

Fungsi Jawatankuasa Eksekutif Halal ini adalah membantu Jawatankuasa Pusat Islam Thailand dalam menguruskan hal ehwal halal di Thailand. Antara tugas utamanya adalah untuk menentukan dan mengumumkan penggunaan Standard Produk Halal Thailand mengikut prinsip Islam dan standard antarabangsa, meluluskan penggunaan Logo Halal pada produk Halal; menjadi Badan Akreditasi Halal (HAB) untuk mengakreditasikan Badan Pensijilan Halal (HCB); mencadangkan nama ahli jawatankuasa, kakitangan dan penyelia bagi unit-unit pentadbiran halal yang berkaitan, menyelaraskan dan menyelia unit-unit yang berkaitan dengan Operasi Hal Ehwal Halal untuk operasi berkesan Standard Produk Halal⁶.

⁵ Perkara 11, Bahagian 2 (Badan Akreditasi Halal) Peraturan Jawatankuasa Pusat Islam Thailand Berkaitan Operasi Hal Ehwal Halal B.E. 2552.

⁶ Perkara 12, Bahagian 2 (Badan Akreditasi Halal)) Peraturan Jawatankuasa Pusat Islam Thailand Berkaitan Operasi Hal Ehwal Halal B.E. 2552.

Institut Standard Halal Thailand

Institut Standard Halal Thailand merupakan agensi rasmi yang bertanggungjawab untuk mengelola pengeluaran sijil dan logo halal di Thailand. Badan ini ditubuhkan di bawah resolusi kabinet pada 11 Ogos 2003. Tujuan utama penubuhan institusi ini adalah untuk membentuk standard, menjalankan kajian, latihan dan kursus berkaitan hal ehwal halal di Thailand. Badan ini akan bekerjasama dengan Jawatankuasa Pusat Islam Thailand dan kerajaan untuk membentuk standard makanan halal yang menepati syariat Islam dan piawaian antarabangsa serta kawal selia pensijilan halal di Thailand (Dahlan, 2015)⁷.

Dari sudut pentadbiran, Institut Standard Halal Thailand ini terletak di bawah pentadbiran Jawatankuasa Islam Pusat Thailand. Institut Standard Halal Thailand akan menyediakan ilmu pengetahuan dan teknologi mengenai Hal Ehwal Halal kepada pengusaha sepenuh masa. Secara umumnya, Institut Standard Halal Thailand akan bertanggungjawab ke atas perkara-perkara berikut⁸:

- 1) Didikan, penyelidikan, pembangunan dan membina Standard Halal supaya selaras dengan Prinsip Islam.
- 2) Didikan dan menganalisis masalah, halangan dan resolusi mengenai pensijilan Standard Halal agar mempunyai kebolehpercayaan dan diterima oleh pengeluar, pengguna dan organisasi yang berkaitan sama ada sektor kerajaan tempatan atau antarabangsa dan sektor swasta tempatan.
- 3) Membangunkan tenaga kerja berhubung dengan Standard Halal, untuk menambahkan pengetahuan, kakitangan yang berkebolehan untuk menyokong pengeluaran dan eksport makanan Halal.
- 4) Membuat tindakan lanjutan, memeriksa kualiti produk Halal sebagai penanda aras dengan standard antarabangsa.
- 5) Meningkatkan pelbagai pengetahuan dan kefahaman mengenai Standard Halal dan pensijilan Halal untuk membina akauntabiliti dan penerimaan daripada orang berkenaan.
- 6) Menjalankan aktiviti perhubungan awam mengenai pensijilan dan permit untuk Logo Halal.
- 7) Menggalakkan dan membangunkan keupayaan untuk Perunding Halal, Perunding Halal Khas, Audit Halal, Pegawai Pengawasan Halal dan Penyelia Penyembelihan Halal.
- 8) Menggalakkan pemasaran untuk membina kebolehpercayaan pada standard produk Halal. (9) Menyediakan laporan prestasi bagi Jawatankuasa Eksekutif Halal pada setiap pertengahan tahun.
- 9) Melaksanakan kerja lain berkaitan yang diberikan oleh Jawatankuasa Eksekutif Halal.

PERUNDANGAN HALAL DI THAILAND

Di Thailand, 'Peraturan Jawatankuasa Pusat Islam Thailand mengenai Operasi Hal Ehwal Halal B.E 2552' adalah undang-undang utama yang terpakai dalam pentadbiran hal ehwal halal. Peraturan ini selaras dengan peruntukkan Seksyen 18 (5) (9) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Akta Pertubuhan BE 2540. Peraturan ini bertujuan untuk memastikan kelancaran dan kecekapan Pengurusan Hal Ehwal Halal, dan untuk menetapkan langkah dan kawalan kualiti Produk Halal dan penggunaan Logo Halal di Thailand. Berikut adalah beberapa peraturan di dalam *Regulation of The Central Islamic Committee of Thailand Regarding Halal Affair Operation of B.E 2552*.

⁷ Temubual bersama Dr Winai Dahlan, Pengarah Halal Science Centre, Chulalongkorn University, 25 Jun 2015.

⁸ Perkara 20, Bahagian 4 (Institut Halal Thailand) Peraturan Jawatankuasa Pusat Islam Thailand Berkaitan Operasi Hal Ehwal Halal B.E. 2552

- Bahagian 1 – Artikel Umum
- Bahagian 2 – Badan Akreditasi Halal
- Bahagian 3 – Bahagian Hal Ehwal Halal
- Bahagian 4 – Institut Standard Halal Thailand
- Bahagian 5 – Jenis-Jenis Pensijilan
- Bahagian 6 – Permohonan Sijil Halal dan Penggunaan Sijil Halal
- Bahagian 7 – Pengeluaran Sijil Halal
- Bahagian 8 – Jaminan Kualiti Standard Halal
- Bahagian 9 – Bantahan
- Bahagian 10 – Yuran dan Deposit Jaminan
- Bahagian 11 – Penalti

Selain daripada peraturan ini, pengurusan dan kesalahan bersabit hal ehwal halal juga disokong dengan undang-undang lain yang berkaitan. Sebagai contoh, penggunaan logo halal yang dikeluarkan adalah dilindungi di bawah hak cipta terpelihara dan akta pengguna. Oleh yang demikian, sebarang penipuan logo dan sijil halal boleh dikenakan tindakan undang-undang oleh pihak berkuasa.

HASIL KAJIAN

PERANAN JAWATANKUASA PUSAT ISLAM THAILAND TERHADAP ISU KEPENGGUNAAN HALAL

Sebagai badan rasmi yang berautoriti dalam pentadbiran hal ehwal halal di Thailand, Jawatankuasa Pusat Islam Thailand memainkan peranan yang sangat penting dalam kemajuan industri dan kepenggunaan halal di Thailand. Sejak awal penubuhannya, jawatankuasa ini telah berjaya memainkan peranannya sebagaimana termaktub dalam fungsi penubuhannya. Antara kejayaan utamanya adalah⁹:

Dalam konteks negara Thailand, usaha ke arah memajukan industri halal telah bermula sejak tahun 1948 –apabila pejabat Shiekhul Islam pertama kali mengeluarkan sijil halal kepada pusat-pusat sembelihan. Ini bagi memenuhi keperluan umat Islam di Thailand untuk mendapatkan bekalan sembelihan halal dalam kalangan penduduk Thailand yang majoritinya beragama buddha.

Pada tahun 1971, Jawatankuasa Pusat Islam Thailand memperkenalkan Standard Makanan Halal yang merupakan yang pertama seumpamanya di dunia. Standard ini kemudiannya diperhalusi dan ditambahbaik agar ia memenuhi kehendak syarak dan mematuhi piawaian antarabangsa sehingga diisytiharkan segala standard rasmi yang digunapakai di keseluruhan negara Thailand. Pada tahun 1998 – Kementerian Perindustrian Thailand menerima pakai Codex Halal sebagai Standard Halal Rasmi Thailand.

Pada tahun 1997 - Peraturan Jawatankuasa Pusat Islam Thailand mengenai Operasi Hal Ehwal Halal diluluskan. Seterusnya tahun 2001 – Jawatankuasa Pusat Islam Thailand berjaya menjadikan Peraturan Pensijilan Halal dan Akreditasi sebagai peraturan standard di seluruh Thailand.

⁹ Bahan perbentangan dalam temubual bersama En. Surin Palarea pada 26 Jun 2015 di Pejabat Institut Standard Halal.

Pada tahun 2002 – Jawatankuasa Pusat Islam Thailand berjaya mendapat keyakinan kerajaan Thailand dengan kelulusan strategi ke arah penubuhan hab makanan halal di wilayah selatan Thailand. Sokongan ini diteruskan dengan peruntukan kewangan bagi membangunkan sistem halal-HACCP pada tahun 2003.

Pada tahun 2003 – Jawatankuasa Pusat Islam Thailand melakar sejarahnya apabila berjaya menubuhkan Pusat Sains Halal di Universiti Chulalongkorn yang dijadikan pusat penyelidikan halal. Penubuhan pusat sains halal ini adalah hasil kerjasama erat jawatankuasa dengan pihak Universiti Chulalongkorn. Pusat Sains ini adalah yang pertama ditubuhkan dan berjaya melonjakkan lagi industri halal di Thailand. Tahun 2009 – Jawatankuasa berjaya mengeluarkan Peraturan Pengurusan Halal dan menetapkan aras dan tahap jaminan kualiti bagi produk halal dan penggunaan logo halal.

RUMUSAN

Secara keseluruhannya, peranan yang telah dimainkan ini dapat dibahagikan kepada beberapa bidang utama seperti;

1) Pengurusan

Antara tugas utamanya yang telah dilaksanakan adalah penubuhan unit-unit berkaitan halal, mengumumkan Standard Produk Halal Thailand, meluluskan penggunaan Logo Halal, menjadi Badan Akreditasi Halal (HAB) untuk mengakreditasi Badan Pensijilan Halal (HCB), melantik ahli jawatankuasa, kakitangan dan penyelia bagi unit-unit pentadbiran halal yang berkaitan, menyelaras dan menyelia unit-unit yang berkaitan dengan Operasi Hal Ehwal Halal untuk operasi berkesan Standard Produk Halal, menyediakan laporan prestasi bagi Jawatankuasa Eksekutif Halal pada setiap pertengahan tahun dan lain-lain. Melalui peranan ini, Jawatankuasa Pusat Islam Thailand dapat menyediakan platform dan frasarana yang baik dalam menguruskan hal ehwal halal di negara ini.

2) Penyelidikan

Kejayaan utama dalam bidang penyelidikan adalah tertubuhnya Pusat Sains halal yang menjalankan peranan penyelidikan sains halal pada tahun 2003. Di samping itu, Jawatankuasa Pusat Islam Thailand melalui unit-unit yang telah ditubuhkan sentiasa menjalankan penyelidikan, pembangunan dan pemantauan terhadap standard halal supaya selaras dengan prinsip Islam serta mempunyai kebolehpercayaan dan diterima oleh pengeluar, pengguna dan organisasi yang berkaitan sama ada sektor kerajaan tempatan atau antarabangsa dan sektor swasta tempatan.

3) Pendidikan

Dari masa ke semasa, badan ini turut mengambil langkah meningkatkan pengetahuan dan kefahaman pengusaha dan pengguna mengenai kepentingan Halal dan pensijilan Halal untuk membina akauntabiliti dan penerimaan daripada pihak berkenaan melalui program-program pendidikan di sekolah, pameran halal dan aktiviti kemasyarakatan. Di samping itu, jawatankuasa ini turut mengeluarkan risalah dan artikel berkaitan pensijilan dan industri halal untuk menyebarkan maklumat dan perkembangan kepada orang ramai. Institut Standard Halal Thailand pula menyediakan ilmu pengetahuan dan teknologi mengenai Hal Ehwal Halal kepada pengusaha sepenuh masa.

4) Pembangunan

Membangunkan tenaga kerja berhubung dengan Standard Halal untuk menyokong permintaan dalam industri Halal, menjalankan aktiviti perhubungan awam,

menggalakkan dan membangunkan keupayaan untuk Perunding Halal, Perunding Halal Khas, Audit Halal, Pegawai Pengawasan Halal dan Penyelia Penyembelihan Halal.

5) Pemasaran

Menjalankan aktiviti-aktiviti pemasaran sijil halal bagi membina kebolehpercayaan pada standard produk Halal dikeluarkan di Thailand. Dalam program yang terdekat, Jawatankuasa Pusat Islam Thailand dengan kerjasama Halal Standard Institute of Thailand dan HSC akan menganjurkan Thailand Halal Assembly 2015 yang dijadualkan pada 25-27 Disember 2015 di Bangkok Thailand. Bertemakan “Thailand Diamond Halal To The World”, melibatkan aktiviti seperti seminar berkaitan industri dan aktiviti perniagaan sains halal, ekspo halal Thailand dan konvensyen berkaitan standard dan pemasaran halal. Aktiviti seperti ini secara tidak langsung akan membina jaringan untuk bekerjasama antara negara bagi memenuhi hasrat mengeluarkan produk halal bagi keperluan pengguna Islam dan bukan Islam.

Dalam analisis penyelidik, perangkaan yang menunjukkan jumlah pengusaha Islam yang memohon sijil halal iaitu sekitar hanya 10% berbanding pengusaha bukan Islam dapat menerangkan beberapa keadaan;

1. Sememangnya Thailand adalah sebuah negara yang majoriti penduduknya beragama buddha. Penduduk Islam di Thailand merupakan golongan minoriti dan hanya merangkumi 10% dari jumlah keseluruhan penduduk yang dianggarkan 69.7 juta.
2. Tujuan pengusaha bukan Islam mendapatkan sijil halal kebanyakannya adalah untuk tujuan eksport ke Negara-negara Islam yang lain. Selain daripada itu, sijil halal juga digunakan oleh pengusaha bukan Islam untuk menarik keyakinan pengguna Islam dan bukan Islam dari sudut kebersihan makanan tersebut.
3. Kefahaman pengusaha Muslim tentang konsep halal dan kesedaran tentang keperluan untuk mendapatkan sijil halal dalam perusahaan masih di tahap yang rendah.
4. Keadaan ini juga menerangkan kedudukan ekonomi penduduk Islam di Thailand terutamanya di wilayah selatan yang masih jauh ketinggalan. Menurut kajian, masih wujud jurang perbezaan yang amat ketara dalam pendapatan isi rumah dan peluang pekerja bagi penduduk Islam terutamanya di 3 wilayah sebelah selatan Thailand (Sarntisart, 2005). Oleh yang demikian, kemampuan umat Islam di Thailand untuk menceburi bidang perusahaan halal masih terbatas dan tersekat.
5. Senario ini turut mempersoalkan tentang peluang dan sistem sokongan yang diberikan oleh kerajaan Thailand untuk membantu penduduk Islam menceburkan diri dalam sektor perusahaan dan ekonomi. Dalam keadaan kebanyakan penduduk Islam di Thailand masih berada di bawah paras kemiskinan dan kurang berpendidikan (Sarntisart, 2005), sistem sokongan perlu diperteguhkan untuk membantu mereka mencari peluang dan melibatkan diri dalam perusahaan halal ini.
6. Kefahaman masyarakat Islam di Thailand tentang undang - undang kepenggunaan halal juga masih di tahap yang rendah (Abdul, 2014).

KESIMPULAN

Islam adalah agama yang syumul dan menjaga kepentingan individu dan masyarakat dalam melaksanakan kehidupannya sebagai *khalifatullah* di muka bumi ini. Dalam hal ini, integriti halal perlu mencakupi dan difahami dalam kerangka maqasid syariah. Oleh itu, masyarakat Islam di Thailand perlu meningkatkan kefahaman tentang konsep halal serta kesedaran tentang kepentingan industri halal yang perlu sentiasa dimajukan. Masyarakat Islam di Thailand perlu lebih peka dan sama-sama bersaing merebut peluang untuk memajukan

industri halal. Hasrat kerajaan Thailand untuk mempromosi dan menjadikan Negara Thailand sebagai *'kitchen of the world'* boleh dimanfaatkan untuk memperkasakan industri halal di Thailand. Jawatankuasa Pusat Islam Thailand perlu memantapkan lagi peranannya dalam memajukan industri halal di Thailand dengan usaha membantu dan memperkasa pengusaha Islam melibatkan diri dalam industri halal. Usaha ke arah penubuhan sebuah badan khusus yang bertanggungjawab mempromosikan pensijilan halal harus dimulakan oleh pihak Jawatankuasa Pusat Islam Thailand demi untuk menggalakkan lagi permohonan sijil halal dalam kalangan pengusaha Islam di Thailand. Jawatankuasa Pusat Islam Thailand perlu memanfaatkan fungsi yang ada untuk membuka ruang sokongan serta bantuan untuk pengusaha Islam membangunkan industri halal di Thailand.

PENGHARGAAN

Artikel ini adalah salah satu hasil penyelidikan di bawah Geran Penyelidikan dan Inovasi KUIS (GPIK) Fasa 1, 2015; Geran Penyelidikan Primer (GPP), Kolej Universiti Islam Selangor.

RUJUKAN

Abdul Ghafar Ismail dan Noraziah Che Arshad, Halal Finance Hub and Halal Food Hub: Are They Apart? International Symposium on Halal Science and Management, 2009.

Al-Qaradhawi, Yusof, *al-Halal wa al-Haram*. Maktabah al-Islami, Beirut, 1994.

Dahlan, W. et al, *Multi Approach Management for Halal Security in HACCP-Compliant Seafood Enterprises in Thailand*, Middle-East Journal of Scientific Research 13(4): 464-471, 2013.

Kamali, M.H. “The Halal Industry from Shariah Perspective” in Islam and Civilizational Renewal, 1(4):595-612, 2010.

Mansouri, S. Role of Halal Tourism Ideology in Destination Competitiveness: A Study on Selected Hotels in Bangkok, Thailand. International Conference on Law, Education and Humanities (ICLEH'14), 2014.

Mohani Abdul, Perception on Halal Food Certification in Hat Yai, Thailand. International Journal of Economic and Management, 8(1): 178-194, 2014.

Mohd Hamdan Adnan, *Konsep Asas Kepenggunaan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1994.

Nurulhuda Noordin, et al. *Value Chain of Halal Certification System: A Case of the Halal Malaysia Industry*. European and Mediterranean Conference on Information Systems. 2009.

Sarntisart, I. Socio-economic Silence in the Three Southern Provinces of Thailand, International Workshop on the Capability Approach to Human Development, 2015.

Tieman, M. The Application of Halal in Supply Chain Management: In-depth Interview. Journal of Islamic Marketing, 2(2): 186-195, 2011.

Walsh. J. Halal Certified Food: An International Challenge & Opportunity for Small & Medium Food Manufacturing Firms Located in Bangkok Province.